

Orang ramai dipelawa sertai Bengkel Penulisan Proposal Penyelidikan Sosial di UMS

UB OT 03.2012 AF

KOTA KINABALU: Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah (UMS) mempelawa orang ramai untuk menyertai Bengkel Penulisan Proposal Penyelidikan Sosial (pasca sisiwazah) yang akan diadakan pada 28-29 Mac ini.

Menurut kenyataan Bahagian Perhubungan Korporat UMS kelmarin, bengkel itu akan diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 3, Sekolah Sains Sosial UMS bermula jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang.

Penyertaan adalah terbuka kepada orang ramai khususnya pelajar-pelajar yang sedang atau berminat untuk melanjutkan pengajian di peringkat pasca sisiwazah termasuk pelajar-pelajar yang kini mengikuti pengajian pasca sisiwazah di UMS.

Ia antara lain bertujuan untuk membimbing bakal-bakal pemohon program ijazah lanjutan khususnya dalam bidang Sains Sosial. Penyertaan adalah percuma dan terhad kepada 30 orang sahaja.

Sehubungan itu, sebarang pertanyaan boleh menghubungi Maine Suadik di talian 016-8059335 atau Pauline Yong di talian 016 8292802.

Tarikh tutup penyertaan adalah pada 22 Mac 2012.